

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Sukan (Online)**

Circulation/Audience:

Date: **29 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: Mirsky, Radich kuasai pesisir Pulau Duyong

Mirsky, Radich kuasai pesisir Pulau Duyong

DUA pasukan - Mirsky Racing dan Radich Sailing berada dalam kedudukan selesa pada hari pertama pembukaan kejohanan Kapal Layar Piala Monsun 2007 dengan mengumpul dua mata selepas pusingan awal bermula di The Heritage Bay Marina and Resort (HBCMR) di Pulau Duyong Kuala Terengganu, semalam.

Kedua-dua pasukan berjaya mengumpul dua mata selepas memenangi dua perlumbaan peringkat awal sekali gus menceraikan peluang mereka mara ke peringkat suku akhir dan separuh akhir.

Pasukan Mirsky Racing dari Australia yang diketuai jurumudi, Torvar Mirsky berpuas hati dengan pencapaian baik di pusingan awal dan memberi keyakinan untuk lebih baik lagi, hari ini.

“Walaupun pertama kali mengambil bahagian, tetapi semangat yang ada dalam pasukan kami memberi dua kemenangan,” katanya pada sidang akhbar selepas tamat pusingan pertama, semalam.

Jurumudi pasukan Radich Saling dari Denmark, Jesper Radich pula mengakui menghadapi kesukaran kerana kapal layar yang digunakan bergoyang pada permulaan.

“Kami gembira kerana dapat mengatasi masalah itu dan berjaya mengumpulkan dua mata,” katanya.

Pasukan yang berjaya memungut satu mata ialah pasukan PST dikemudi Datuk Peter Gilmour iaitu pemenang empat kali dalam World Match Racing Tour Champion.

Pasukan Apport.Net yang dikemudi Bjorn Hansen dari Sweden turut mengutip satu mata hasil satu kemenangan manakala Adam Minoprio yang mewakili Blackmatch Racing dari New Zealand turut mengutip satu mata.

Bagaimanapun, tiga pasukan teratas World Match Racing Tour Championship iaitu Saba Sailing, Pindar dan Shoshloza gagal mengutip sebarang mata.

Jurumudi pasukan Saba Sailing, Mathieu Richard dari Perancis ketika ini menduduki ranking pertama dengan satu mata mengumpul 140 mata hasil kemenangan dalam kejohanan diadakan di Bermuda dan Brazil, baru-baru ini.

Hasil kemenangan dalam dua kejohanan itu, pasukan Saba Sailing menduduki tangga teratas dunia sekarang.

Pasukan Pindar dari England yang jurumudi, Ian Williams kini memperoleh satu mata dengan 132 mata menduduki tempat kedua ketinggalan hanya tujuh mata dari pasukan Saba Sailing.

Pasukan Shohloza dari Itali pula dengan jurumudi, Paolo Cian menduduki tangga ketiga peringkat dunia hasil punggutan jumlah 115 mata. Sejumlah 12 pasukan kapal layar ternama di dunia beraksi musim ini.